

14 AUG 2003

SAID-WTO

KETUA-KETUA KERAJAAN AKAN KEMUKAKAN KENYATAAN KEPADA WTO

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

MBABANE, (Swaziland), 14 Ogos (Bernama) -- Sembilan ketua kerajaan termasuk Malaysia yang menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dijangka mengeluarkan satu "Kenyataan Ezulwini" kepada mesyuarat peringkat menteri akan datang Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Cancun bulan hadapan bagi menyeru negara-negara maju supaya tidak merubah pendirian komitmen masing-masing untuk meliberalisasikan perdagangan di dalam bidang yang penting kepada ekonomi Dunia Ketiga.

Ketika merasmikan Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2003 malam Rabu, Raja Mswati III, berkata, Kenyataan Ezulwini dijangka mengandungi rayuan kepada negara maju, terutama sekali AS dan Kesatuan Eropah supaya tidak berpaling daripada komitmen masing-masing yang dibuat pada mesyuarat WTO yang lepas di Doha untuk membolehkan ubat-ubatan yang lebih murah dibuat di Afrika dan memotong subsidi ladang.

Yang turut hadir di majlis itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kemudian menyampaikan ucapan kepada lebih 600 peserta dari 16 negara.

Mswati berkata, kenyataan itu akan termasuk cadangan dialog itu yang kini diadakan di kampung dialog Ezulwini dekat sini.

Para pegawai yang terlibat dalam dialog perkongsian bijak itu berkata, terdapat kebimbangan bahawa Mesyuarat Peringkat Menteri WTO mulai 10 Sept di Cancun, Mexico, akan gagal.

Laporan menyifatkan AS dan Eropah telah mengambil pendirian yang sukar ke atas sesetengah isu yang dirundingkan seperti pengeluaran dan pengilangan ubat yang murah untuk menentang HIV-AIDS, seperti di Afrika.

Walaupun AS dan Eropah pada mesyuarat peringkat menteri yang lepas di Doha bersetuju membenarkan negara-negara Afrika mengeluarkan ubat-ubatan yang sangat diperlukan secara murah, mereka kini menukar pendirian komitmen Doha masing-masing, selepas tunduk kepada tekanan pelobi farmasi yang kuat.

Mereka kini mendesak negara-negara Afrika dan membangun membeli ubat yang mahal itu, sesuatu yang mustahil kerana negara-negara Afrika yang miskin tidak mampu berbuat demikian.

"AS dan Eropah menukar fikiran dan rakyat di sini menghadapi maut," kata pegawai yang meminta namanya tidak diperkenalkan.

Malah di dalam bidang sensitif seperti pertanian, kedua-dua AS dan Eropah menambah subsidi masing-masing kepada petani, menjadikannya mustahil bagi petani Afrika bersaing pada tahap sama rata dengan hasil keluaran ladang Amerika dan Eropah yang menerima subsidi yang tinggi.

Mswati juga berkata, dialog perkongsian bijak itu akan membincangkan kemajuan menjadikan badan penganjurnya -- Commonwealth Partnership for Technology Management (CPTM) -- berdikari dan berdaya maju di masa hadapan melalui kewujudan dana bantuan sekitar 11 juta pound.

Katanya, dengan menganjurkan dialog perkongsian bijak pada asas sama rata, berwadah tidak berkonfrantasi, merupakan resipi pasti untuk mencapai kemajuan.

Beliau juga menekankan bahawa dialog itu tiada bermatlamatkan politik, tiada agenda tersembunyi, tiada laporan langsung interaksinya.

Pentasnya disediakan untuk memberi tumpuan penuh selama tiga hari memikirkan dan berbincang mengenai tiga konteks perkongsian bijak iaitu geopolitik, ekonomi dan teknologi. -- BERNAMA

MR FR AHM